

Weststar Aviation dapat kontrak di Mauritania

Weststar Aviation Services Sdn Bhd meterai kontrak empat tahun bernilai kira-kira RM500 juta untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan di Mauritania kepada Tullow Mauritania Ltd.

Di bawah kontrak 2+1+1 itu, syarikat itu akan memulakan perkhidmatan menggunakan dua helikopter AugustaWestland AW 139 dari Nouakchott, ibu negara Mauritania, bermula Ogos tahun ini.

Tullow Mauritania adalah anak syarikat milik penuh Tullow Oil plc, satu kumpulan penerokaan dan pengeluaran minyak dan gas bebas yang tersenarai di bursa saham London, Ireland dan Ghana dengan pendapatan jualan hampir RM6 bilion.



Kontrak itu menandakan masa depan yang cerah di Afrika untuk Weststar Aviation, syarikat di bawah kumpulan Weststar Group of Companies.

Weststar Aviation mengunjurkan aliran pendapatan melebihi RM2 bilion di negara lain Afrika seperti Ivory Coast, Ghana, Senegal dan Mozambique.

Dalam satu sidang media selepas pemeteraian kontrak itu, Ketua Eksekutif Weststar Aviation, Tan Sri Muhammad Ismail, berkata syarikat itu, selaras dengan rancangan pengembangan agresifnya, teru-

“**Weststar Aviation dijemput membida untuk kontrak membekalkan perkhidmatan helikopter di Afrika Barat**”

Syed Azman Syed Ibrahim,
Pengarah Urusan
Weststar Group

ja untuk mengambil langkah pertama yang penting ini dalam meningkatkan reputasi dan kehadiran globalnya.

Beliau berkata, Weststar Aviation menjangka kontrak bernilai sekurang-kurangnya AS\$1 bilion untuk perkhidmatan helikopter di Afrika Barat sepanjang 24 bulan akan datang.

Bida kontrak

Sementara itu, Pengarah Urusan Weststar Group, Tan Sri Syed Azman Syed Ibrahim, berkata Weststar Aviation dijemput untuk membida untuk kontrak membekalkan perkhidmatan helikopter di Afrika Barat.

Beliau berkata, kumpulan itu kini menilai ciri dan syarat serta sama ada untuk membida bagi sebahagian atau semua kontrak memandangkan beberapa kontrak mungkin tidak menguntungkan.

Syed Azman juga berkata, Myanmar dan Thailand turut menunjukkan potensi,

“Di Thailand, Weststar Aviation telah dijemput untuk membida bagi kontrak yang membabitkan tujuh helikopter AugustaWestland AW 139,” katanya.